

06 APRIL 2018

Tujuh pelajar disiasat tak hadir



Tujuh pelajar disiasat tak hadir

Kota Bharu: Tujuh pelajar tingkatan tiga disiasat pihak berkuasa berhubung dakwaan meminum air ketum di sebuah sekolah menengah di Bachok, Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan, Muhammad Zahari Othman berkata, ia membabitkan empat pelajar perempuan dan tiga pelajar lelaki.

Beliau berkata, ia susulan penyebaran sebuah video dipercayai

berhubung kejadian berkenaan di Facebook (FB).

Bagaimanapun katanya, polis dan JPN masih menjalankan siasatan terperinci berhubung kejadian itu.

"Saya dimaklumkan mereka (tujuh pelajar) tidak hadir ke sekolah, sejak video (kejadian) itu tersebar.

"Saya juga perlu duduk semeja dengan beberapa pihak berkaitan untuk menentukan sa-

ma ada pelajar itu meminum air ketum atau sebaliknya," katanya.

Muhammad Zahari berkata, pihaknya memandang serius kes itu kerana ia membabitkan pelajar sekolah.

Sebelum ini, NSTP melaporkan polis dan JPN Kelantan menyiasat gambar serta video tiga pelajar perempuan dipercayai meminum air ketum, yang tular di media sosial, sejak Isnin lalu.

Kejadian dikatakan

pada jam 2 petang Isnin lalu dan dipercayai di luar sebuah sekolah.

Polis kemudian menahan seorang buruh lelaki yang dipercayai menjual air ketum kepada pelajar terbabit dengan harga RM10 sebungkus, pada pagi Selasa lalu.

Sementara itu, Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kelantan, Rohayu Ahmad berkata, pihaknya hanya mengetahui kes itu menerusi media sosial.